

Analisis pencemaran akibat bauksit ambil masa sebulan

KUANTAN - Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) telah mengambil sampel air, tanah serta bauksit di kawasan perlombongan bahan mineral itu di daerah ini yang dikatakan mengandungi bahan radioaktif untuk dianalisis.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, sampel itu diambil pada 3 Ogos lepas di sungai dan Pantai Pengerak serta tempat mencuci lori mengangkut bauksit.

Menurut beliau, keputusan analisis kesemua sampel itu hanya akan diketahui dalam tempoh sebulan lagi.

"Kita tunggu hasil ujian tersebut sebelum membuat sebarang ketetapan atau tindakan," kata beliau selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Yayasan Pahang di sini semalam.

Adnan mengulas laporan sebuah akhbar mengenai kewujudan bahan radioaktif dan beracun seperti arsenik di sekitar kawasan perlombongan bauksit di daerah ini hasil analisis sampel air serta ikan yang diambil di kawasan tersebut baru-baru ini.

Kata Adnan, Jabatan Alam Sekitar sebelum ini telah beberapa kali mengambil sampel



ADNAN (kiri) dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang melawat tapak bauksit di Rancangan Tanah Pemuda (RTP) Bukit Goh, Kuantan semalam.



KERATAN Kosmo! 27 Mei 2015.

air dan ikan di kawasan yang terjejas namun tidak mengesan kehadiran bahan radioaktif.

"Ikan yang dilaporkan ditemui mati di kawasan pantai di daerah ini berpunca daripada sikap ne-

layan yang membuang ikan yang tidak dikehendaki di tengah laut yang kemudian hanyut ke pantai dan kematian ikan-ikan yang ditemui sekarang bukan berkait dengan pencemaran bauksit," kata beliau.

Pada masa yang sama, Adnan mengalu-alukan laporan media mengenai kegiatan perlombongan di negeri ini dan kesannya yang menjejaskan orang ramai dan alam sekitar.

"Kita tidak menafikan



AIR bertakung di salah sebuah tapak lombong bauksit di Bukit Goh yang didakwa telah mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

masalah ini dan pada masa yang sama kerajaan negeri juga tidak pernah mendiamkan diri kerana banyak langkah telah kita ambil untuk menanganinya.

"Namun pada masa yang sama kita juga tidak boleh menghen- tikannya (aktiviti perlombongan bauksit) kerana ia turut menyumbang kepada kegiatan ekonomi setempat termasuk menyediakan peluang pekerjaan dan pemandu lori pun mampu memperoleh pendapatan antara

RM3,000 sehingga RM7,000 sebulan," katanya.

Selain itu, kata beliau, kerajaan negeri juga akan mengkaji semula kadar royalti bagi pengeluaran hasil bauksit iaitu pada kadar lima peratus ketika ini.

Selepas itu, Adnan bersama-sama barisan Exco dan pegawai agensi berkaitan melakukan lawatan mengejut ke kawasan penyimpanan bauksit berhampiran Sekolah Rendah RPT Bukit Goh di sini. - Bernama